

SOALAN NO: 41

**PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : **Lisan**
- DARIPADA** : **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]**
- TARIKH** : **19 Mei 2016**
- SOALAN** : **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kematian ikan yang ditenak dalam sangkar akibat musim kemarau di Laguna Gong Kuala Setiu di mana penternak-penternak mengalami kerugian yang besar.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada siasatan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia mendapati suhu air di Laguna Gong Batu adalah tinggi iaitu pada paras 32 darjah celsius (°C) dengan saliniti 33 ppt.

Sehubungan itu, bagi mengatasi kematian ikan yang ditenak dalam sangkar akibat suhu air yang tinggi di Laguna Gong Batu Kuala Setiu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia mencadangkan supaya langkah-langkah seperti berikut diambil:

- i. membuat tuaian hasil segera bagi mana-mana hasil ternakan yang sesuai untuk dipasarkan;
- ii. membuat pembaikan benteng Laguna Setiu yang telah pecah supaya pengusaha sangkar dapat meneruskan projek ternakan ikan dalam sangkar dan penduduk setempat dapat menjalankan kegiatan perikanan di kawasan Laguna Setiu; dan
- iii. mendalamkan dasar dan melebarkan sungai supaya lebih banyak aktiviti perikanan dapat dijalankan.